



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Sebahagian dari



**THE REAL LIFE
COMPANY**

AIA PUBLIC Takaful Dana Berkaitan Pelaburan



Laporan Prestasi

Pada 30 November 2015

aia.com.my



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	01 - 02	CEO's Message	37 - 38
Tinjauan pasaran bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2015	03 - 06	Market review for the financial year ended 30 November 2015	39 - 42
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 18	Comparative Performance Table	43 - 54
Butiran Pelaburan	19 - 25	Details of Investments	55 - 61
Kenyataan Pihak Pengurusan	26	Statement by Manager	62
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil	27 - 28	Independent Auditors' Report to the Certificate Holders	63 - 64
Penyata Aset dan Liabiliti	29 - 30	Statement of Assets and Liabilities	65 - 66
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	31	Statement of Income and Expenditure	67
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	32	Statement of Changes in Net Asset Value	68
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	33 - 36	Notes to the Financial Information	69 - 72

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pemegang Sijil Yang Dihargai,

Tinjauan Pasaran

Tahun kewangan berakhir 30 November 2015 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi Malaysia disebabkan oleh gabungan faktor-faktor luaran dan dalaman. Indeks FBMKLCI jatuh sebanyak 8.2% sepanjang tahun ini, bermakna sudah dua tahun berturut-turut ianya mengalami kemunduran.

Dari segi domestik, tekanan terhadap harga minyak mentah dan minyak sawit mentah, kerunsingan yang timbul akibat hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB), pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan ketidaktentuan politik yang semakin meningkat menyebabkan penurunan di dalam pendapatan korporat. Manakala dari segi persekitaran luaran, pembetulan mendadak di dalam pasaran saham China dan penurunan nilai Renminbi yang tidak dijangka serta kenaikan kadar faedah pertama Amerika Syarikat (AS) dalam hampir satu dekad telah memalapkan lagi sentimen.

Isu-isu ini menyebabkan pengaliran keluar dana asing, yang seterusnya menyaksikan Ringgit menjunam ke paras RM4.45 berbanding dolar AS sebelum ditutup pada RM4.25/USD – satu tahap yang lebih teruk berbanding krisis kewangan Asia apabila Ringgit ditambah pada kadar RM3.80/USD.

Pasaran pendapatan tetap mencapai peningkatan ekoran kenaikan di Indeks Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak 3.7% berlandaskan jangkaan inflasi yang mantap, pelaksanaan CBP dan kegiatan pengurangan subsidi yang berterusan oleh kerajaan Malaysia – ke semuanya faktor-faktor positif bagi prospek fiskal negara.

Prestasi

Walaupun pasaran saham kurang memberangsangkan, kebanyakan dana tidak terhad kami telah mengatasi penanda aras masing-masing dan prestasi pesaingnya dalam industri, terutamanya prestasi dua dana utama kami - Dana A-Dana Balanced dan Dana A-Dana Equity - yang memberikan pulangan masing-masing sebanyak 1.43% dan 0.00%, mengatasi penanda aras masing-masing sebanyak -0.62% dan -3.66%.

Unjuran

Bagi jangka masa pendek, kami menjangkakan ketidaktentuan yang berterusan disebabkan oleh kejatuhan harga minyak mentah dan pembetulan dalam pasaran saham global. Bagi jangka masa panjang pula, kami sedikit sebanyak optimis akan prospek bagi tahun 2016. Falsafah pelaburan kami berlandaskan 1) jangkaan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang di antara 4% dan 5% dan pendapatan korporat akan berkembang pada kadar sederhana satu digit 2) kejayaan pelaksanaan penyusunan semula hutang 1MDB dan 3) kenaikan dalam kadar faedah AS secara beransur-ansur.

Walau bagaimanapun, risiko akan timbul sekiranya 1) sasaran defisit bajet kami sebanyak 3.1% diubah ke lebih tinggi akibat daripada harga minyak yang lebih rendah, 2) China mengalami kemelesetan yang mendadak dan 3) Nilai Renminbi turun secara ketara.

Bagi pendapatan tetap, kami menjangkakan bahawa harga minyak yang tidak menentu dan Ringgit yang lemah akan memberi tekanan terhadap pasaran bon Malaysia. Penormalan kadar faedah di Amerika Syarikat adalah juga sesuatu yang perlu diberi perhatian, walaupun kami menjangkakan ianya akan berlaku secara beransur-ansur.

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

Selain daripada itu, pertumbuhan tidak sekata global ekonomi, harga bahan api yang lebih rendah dan permintaan dalam negeri yang sederhana seharusnya akan mengawal inflasi. Bank Negara Malaysia (BNM) berpendapat bahawa jangkaan inflasi mempunyai asas yang baik dan oleh itu dasar kewangannya berlandaskan akomodatif.

Kami mengucapkan terima kasih sekali lagi di atas kepercayaan anda terhadap kami. Pasukan kami yang terdiri dari ahli-ahli pelaburan profesional yang berkelayakan tinggi menggunakan kaedah pelaburan yang kukuh dan terbukti, disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang mantap. Kami memberi jaminan bahawa kami akan terus melabur wang anda dengan berhemat untuk mencapai pulangan yang sebaik mungkin.

Salam sejahtera dan semoga berjaya dalam tahun 2016,

Yang benar,



Elmie Aman Najas
Ketua Pegawai Eksekutif
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2015

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Tinjauan Pasaran

Tahun kewangan 2015 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi Malaysia disebabkan oleh gabungan faktor-faktor luaran dan dalaman. Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah jatuh sebanyak 4.1% sepanjang tahun ini. Dari segi domestik, tekanan terhadap harga minyak mentah dan minyak sawit mentah, kerunsingan yang timbul akibat hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB), pelaksanaan CBP dan ketidaktentuan politik yang semakin meningkat menyebabkan penurunan di dalam pendapatan korporat. Manakala dari segi persekitaran luaran, pembetulan mendadak di dalam pasaran saham China dan penurunan nilai Renminbi yang tidak dijangka serta kenaikan kadar faedah pertama AS dalam hampir satu dekad telah memalapkan lagi sentimen.

Isu-isu ini menyebabkan pengaliran keluar dana asing, yang seterusnya menyaksikan Ringgit menjunam ke paras RM4.45 berbanding dolar AS sebelum ditutup pada RM4.25/USD, satu tahap yang lebih teruk berbanding krisis kewangan Asia apabila Ringgit ditambah pada kadar RM3.80/USD. Sepanjang tahun kewangan berakhir di November, aliran keluar ekuiti asing berjumlah RM18.3 bilion, iaitu hampir tiga kali ganda aliran keluar sebanyak RM6.9 bilion yang dicatatkan pada tahun 2014.

Unjuran Pasaran

Bagi jangka masa pendek, kami menjangkakan ketidaktentuan yang berterusan disebabkan oleh kejatuhan harga minyak mentah dan pembetulan dalam pasaran saham global. Bagi jangka masa panjang pula, kami sedikit sebanyak optimis akan prospek bagi tahun 2016. Falsafah pelaburan kami berlandaskan jangkaan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang di antara 4% dan 5% dan pendapatan korporat akan berkembang pada kadar sederhana satu digit dimantapkan oleh kekukuhan harga minyak sawit mentah, kos yang lebih rendah bagi sektor perbankan dan penurunan 1% dalam kadar cukai korporat.

Berita mengenai rancangan suntikan sebanyak RM20 bilion ke dalam Valuecap Sdn Bhd membantu meningkatkan sentimen kerana sumbangan tersebut akan dilaburkan di dalam pasaran saham. Di dalam forum ekonomi dua hala terkini Malaysia-China, kerajaan China menunjukkan minat membeli lebih lagi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pembelian aset kuasa Edra Global Energy Bhd oleh China General Nuclear Power Corporation. China dijangka terus terlibat dalam penyusunan semula 1MDB menerusi pembelian kepentingan dalam Bandar Malaysia dan pembinaan rel berkelajuan tinggi yang menghubungkan Malaysia dan Singapura. Sekiranya peristiwa ini menjadi kenyataan, ianya akan merangsang peningkatan pelaburan langsung asing dan aliran modal serta memantapkan rizab mata wang asing, yang dijangka akan mengukuhkan kedudukan Ringgit.

Dengan kedudukan hutang 1MDB yang semakin bertambah baik, kerajaan akan lebih bersedia untuk mempercepatkan pelancaran Rancangan Malaysia Ke-11 bagi meningkatkan kedudukan ekonomi tempatan. Sementara itu, kami menjangkakan kebangkitan semula sentimen pengguna supaya permintaan dalam negeri dapat dikekalkan berikutan normalisasi kesan CBP pada penggal kedua tahun 2016. Walaupun harga minyak mentah rendah, kerajaan komited untuk mengurangkan defisit bajet dengan meneruskan rasionalisasi subsidi. Cukai yang dikumpul daripada pelaksanaan CBP juga lebih tinggi daripada apa yang dijangkakan.

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2015 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Unjuran Pasaran (samb.)

Dalam sektor luaran, kami menjangkakan kadar faedah Federal Reserve (Fed AS) akan meningkat secara beransur-ansur. Kadar faedah pasif di Amerika Syarikat dijangka akan menyebabkan penyusutan nilai USD secara beransur-ansur, ini adalah berita positif bagi pasaran baru muncul seperti Malaysia. Pertumbuhan ekonomi global juga dijangka meningkat sederhana berbanding tahun 2015 didorong dengan peningkatan peluang pekerjaan dan perbelanjaan pengguna. Di Jepun dan Zon Euro, dasar monetari dijangka terus longgar dan di China, pertumbuhan dijangka pada tahap kira-kira 6.5% setahun.

Peluang

- China menunjukkan minat membeli Sekuriti Kerajaan Malaysia dan mengambil bahagian dalam penyusunan semula 1MDB.
- Suntikan bernilai RM20 bilion ke dalam Valuecap Sdn Bhd boleh mewujudkan sentimen positif dalam pasaran apabila ianya dilaburkan di dalam pasaran saham.
- Penganugerahan projek-projek mega seperti Pan Borneo Highway, MRT2 dan LRT3.
- Susulan penjualan aset kuasa Edra Global Energy Bhd dan Bandar Malaysia dalam usaha menurunkan hutang 1MDB.
- Pemulihan beransur harga minyak dan harga minyak sawit mentah yang lebih kukuh ekoran El Nino dijangka meningkatkan pasaran saham tempatan.

Kebimbangan

- Risiko kemunduran dalam pertumbuhan ekonomi apabila kesan penuh CBP, pengurangan subsidi dan kejatuhan Ringgit dialami pada tahun 2016.
- Harga minyak kekal di bawah USD30 setong untuk tempoh yang lama, sekaligus mengubah defisit belanjawan secara ketara ke paras lebih tinggi daripada 3.1%.
- Pendapatan korporat tempatan mengecewakan ekoran margin yang lebih rendah disebabkan kenaikan kos dan permintaan pengguna yang lemah.
- Ketegangan kaum yang meningkat.
- Pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan berpunca daripada kemunduran dalam ekonomi China manakala Jepun dan Zon Euro mungkin mengalami kemelesetan ekoran percetakan wang tidak membawa kejayaan.
- Kenaikan kadar faedah AS lebih cepat dan lebih curam daripada apa yang dijangkakan.
- Renminbi China mungkin akan diturun nilai lagi.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2015 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Tinjauan Pasaran

Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) jangka panjang jatuh dengan ketara disebabkan peningkatan hasil yang mendadak manakala bil dan nota jangka pendek meningkat disebabkan oleh kedudukan was-was para pelabur ekoran nilai Ringgit yang lemah, harga minyak yang rendah dan ketidakpastian politik. Kejatuhan harga minyak telah memberikan tekanan kepada Ringgit ekoran ketidakpastian para pelabur akan kedudukan fiskal Malaysia. Ketidakpastian masa kenaikan kadar faedah AS yang pertama dalam hampir satu dekad juga melembapkan sentimen.

Akibat kedudukan fiskal kerajaan dan perdagangan yang lemah, Fitch Rating telah memberi amaran mengenai kemungkinan penurunan penarafan rating Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam satu langkah yang mengejutkan, agensi penarafan itu telah mengesahkan penarafan kredit mata wang asing jangka panjang Malaysia pada tahap A-, dan menaik-tarafkan unjuran daripada negatif kepada stabil, bersandarkan peningkatan kedudukan fiskal Malaysia berikutan pelaksanaan CBP, fleksibiliti pembiayaan mantap disebabkan oleh pasaran modal Malaysia dan pertumbuhan ekonomi yang baik.

Sentimen pasaran sukuk juga bertambah baik pada akhir tahun kewangan disebabkan munculnya tanda-tanda resolusi isu hutang 1MDB dan sejurus kerajaan mengumumkan langkah-langkah untuk mengurangkan defisit fiskal daripada 3.2% pada tahun 2015 kepada 3.1% pada tahun 2016.

Unjuran Pasaran

Bank Negara dijangka akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang mantap dalam masa yang akan datang memandangkan pendirian monetari semasa dianggap sebagai akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. Memandangkan prospek inflasi sederhana dan jangkaan kesinambungan dasar kewangan yang akomodatif, kami sedikit sebanyak optimistik mengenai pasaran sukuk Malaysia di tengah-tengah ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran bon global. Memandangkan kedudukan ini, kami lebih cenderung terhadap pendirian yang lebih neutral untuk melindungi dana terhadap potensi risiko pergerakan kadar hasil yang tidak menentu.

Kadar pengetatan kitaran Fed AS dijangka beransur-ansur dan bergantung kepada data ekonomi, oleh itu ianya tidak mungkin menimbulkan risiko penurunan ketara terhadap pasaran sukuk Malaysia. Walau bagaimanapun, harga minyak dan kadar Ringgit yang tidak menentu dijangka mempengaruhi pasaran sukuk Malaysia. Secara global, sukuk Malaysia boleh menarik minat para pelabur dalam persekitaran hasil yang rendah namun lanjutan pergerakan yang tidak menentu Ringgit boleh mengurangkan daya tarikan pelabur luar pesisir terhadap sukuk Malaysia.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2015 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Peluang

- Walaupun pengetatan kewangan AS dijangkakan, kadar pesatannya kemungkinan akan terukur. Di Zon Euro dan Jepun, kadar faedah seharusnya kekal rendah. Persekitaran kadar faedah yang rendah dalam ekonomi maju dan hasil sukuk Malaysia yang agak tinggi di perantauan ini boleh mengekalkan daya tarikan aset pendapatan tetap Malaysia.
- Dengan keadaan kredit yang pada umumnya stabil dan saluran bekalan sukuk korporat yang sederhana pada tahun 2016, peruntukan dana kami akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding dengan sukuk kerajaan.

Kebimbangan

- Pemilihan asing yang agak tinggi dalam jumlah kertas kerajaan Malaysia telah menjadikan pasaran sukuk domestik terdedah kepada jualan asing sekiranya unjuran fiskal Malaysia terus merosot.
- Dasar pengetatan monetari yang lebih agresif oleh Fed AS boleh menyebabkan kejatuhan Ringgit, menyebabkan peningkatan dalam aliran keluar dana.
- Terdapat juga risiko penurunan penarafan Malaysia sekiranya harga minyak jatuh lagi, menyebabkan penyusutan dalam kedudukan fiskal.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. DANA A-DANA INCOME

Bagi tahun fiskal 2015, atas nilai bersih, pulangan Dana 3.03% berbanding penanda aras 3.64%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 4.38% berbanding penanda aras 3.32%.

Penanda Aras	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 15 - Nov 15	Nov 14- Nov 15	Nov 10 - Nov 15	Mac 11 - Nov 15
Dana A-Dana Income	0.33%	3.03%	n/a	4.38%
Indeks*	0.33%	3.64%	n/a	3.32%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.00%	-0.61%	-	1.06%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Maybank)

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana semasa tahun tersebut?

Positif

- Pegangan Dana dalam sukuk korporat yang menghasilkan kadar keuntungan yang tinggi telah menyumbang kepada prestasi Dana.

Negatif

- Pegangan Dana dalam kredit penarafan tertentu yang lebih rendah telah diturunkan taraf dan/atau diletakkan di bawah unjuran negatif telah menjejaskan prestasi.

Apakah unjuran masa depan?

Dana mungkin mengekalkan strategi pelaburan semasa terutamanya dalam sukuk korporat dan kerajaan sederhana berjadual sehingga risiko aliran keluar modal asing daripada pasaran bon kerajaan Malaysia berkurangan ekoran kestabilan atau peningkatan harga minyak, kedudukan Ringgit dan fiskal Malaysia. Penambahbaikan dalam bidang-bidang ini mungkin mendorong Dana untuk mempertimbangkan pelaburan yang lebih dalam sukuk jangka masa panjang bagi memerolehi manfaat daripada peningkatan di dalam pasaran bon.

Sebaliknya, jika petunjuk-petunjuk ekonomi menurun secara ketara yang mungkin meningkatkan risiko penurunan penarafan Malaysia dan mencetuskan pengaliran keluar modal asing yang ketara daripada pasaran bon kerajaan Malaysia, Dana akan meningkatkan pelaburannya dalam sukuk berjangka pendek dengan objektif utama bagi mengurangkan ketidakpastian Dana.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

A-Dana Income akan terus tertumpu kepada memaksimumkan jumlah pulangan yang merangkumi kedua-dua pertumbuhan pendapatan dan modal dengan membuat pelaburan terutamanya dalam bon Islam gred pelaburan (sukuk) dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-Dana Income pada 30 November 2015



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2015	2014	2013
Tunai & Lain-lain	17%	3%	5%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	5%	4%	-
Elektrik, Gas & Air	11%	22%	31%
Kewangan, Takaful, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	41%	35%	31%
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	10%	16%	14%
Pembinaan	16%	20%	19%
Real Estate Investment Trusts (REITs)	-	-	-
JUMLAH	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (NAV) pada 30 November

	2015	2014	2013
Jumlah NAV (RM)	20,032,402	14,639,380	12,892,832
Bilangan Unit-unit	32,668,233	24,566,372	22,357,076
NAV/unit (RM)	0.613	0.596	0.577
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.613	0.596	0.577
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.594	0.576	0.559
Cukai (%)	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY

Bagi tahun fiskal 2015, atas asas bersih, pulangan Dana 0.00% berbanding penanda aras -3.66%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 7.69% berbanding penanda aras 4.83%.

Penanda Aras	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 15 - Nov 15	Nov 14- Nov 15	Nov 10 - Nov 15	Mac 11 - Nov 15
Dana A-Dana Equity	0.57%	0.00%	n/a	7.69%
Indeks*	0.89%	-3.66%	n/a	4.83%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.32%	3.66%	-	2.87%

* 95% FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (Sumber: Bursa Malaysia) + 5% 1 Bulan KLIBOR (Sumber: Bank Negara Malaysia)

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam saham bermodal kecil ke sederhana seperti Time dotCom, Prestariang dan Chinwel, yang telah mengatasi prestasi.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor telekomunikasi yang berprestasi rendah.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pertanian yang berprestasi rendah ekoran harga minyak sawit mentah yang lemah.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pengangkutan yang berprestasi rendah walaupun harga minyak mentah yang lemah.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengilangan sarung tangan, yang telah mengatasi prestasi.

Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, memandangkan pertumbuhan ekonomi tempatan yang sederhana, kami lebih cenderung terhadap syarikat yang mempunyai pendapatan yang berdaya tahan, aliran tunai yang kukuh, kemantapan kedudukan penyata kewangan dan penilaian yang murah. Oleh itu, kami mengutamakan syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan, sektor hartanah mampu milik, sektor perladangan dan pemilik syarikat konsesi yang mempunyai aliran tunai yang kukuh dan kontrak jangka panjang. Sektor pengangkutan juga dijangka mendapat manfaat daripada harga minyak mentah yang rendah. Bagi sektor pengeksport, kami mengharapkan peningkatan memandangkan jangkaan dalam pengukuhan Ringgit. Prestasi saham-saham ini yang juga agak baik, telah merumitkan lagi penilaiannya.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan terus mencari pertumbuhan jangka panjang ke atas modal dan pendapatan dengan melabur di dalam portfolio ekuiti yang pelbagai.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-Dana Equity pada 30 November 2015



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2015	2014	2013
Tunai & Lain-lain	8%	8%	2%
Pembinaan	11%	7%	7%
Produk Pengguna	1%	2%	3%
Kewangan	4%	2%	5%
Produk Perindustrian	6%	8%	9%
Syarikat Projek Infrastruktur	5%	7%	6%
Perladangan	8%	10%	8%
Hartanah	6%	9%	7%
Teknologi	4%	3%	2%
Perdagangan/Perkhidmatan	47%	44%	51%
Real Estate Investment Trusts (REITs)	-	-	-
JUMLAH	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV") pada 30 November

	2015	2014	2013
Jumlah NAV (RM)	38,428,303	25,610,101	17,804,022
Bilangan Unit-unit	53,999,001	36,012,099	27,127,605
NAV/unit (RM)	0.712	0.711	0.656
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.762	0.730	0.656
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.637	0.651	0.537
Cukai (%)	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY

Bagi tahun fiskal 2015, atas asas bersih, pulangan Dana -0.71% berbanding penanda aras -4.06%. Sejak pelancaran pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 4.18% berbanding penanda aras 4.84%.

Penanda Aras	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 15 - Nov 15	Nov 14- Nov 15	Nov 10 - Nov 15	Feb 13 - Nov 15
Dana A-DALI Equity	-0.36%	-0.71%	n/a	4.18%
Indeks*	0.92%	-4.06%	n/a	4.84%
Lebih/(Bawah) prestasi	-1.28%	3.35%	-	-0.66%

* FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (Sumber: Bursa Malaysia)

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pertanian yang berprestasi rendah ekoran harga minyak sawit mentah yang lemah.
- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pengilangan sarung tangan, yang telah mengatasi prestasi.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor telekomunikasi yang berprestasi rendah ekoran persaingan yang tinggi.

Apakah strategi masa depan?

Kami tidak akan membuat sebarang perubahan dalam pemilihan saham, di mana kami masih cenderung terhadap saham-saham yang selamat menerusi para pengeksport (Teknologi, Sarung Tangan, Perabot). Kami bertukar neutral terhadap sektor perladangan, di mana data terkini memberi unjuran bahawa pengeluaran mungkin terjejas disebabkan corak cuaca El Nino. Kami juga telah meningkatkan pendedahan kepada sektor Pembinaan memandangkan tumpuan dasar beralih kepada sektor pengangkutan awam.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan meneruskan usaha memaksimumkan pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang menerusi portfolio ekuiti yang pelbagai.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-DALI Equity pada 30 November 2015



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2015	2014	2013
Tunai & Lain-lain	3%	7%	2%
Dana Mutual	97%	93%	98%
JUMLAH	100%	100%	100%

Butiran Dana Dasar

Nama	CIMB Islamic Dana DALI Equity Growth
Jenis	Pertumbuhan Ekuiti (Syariah)
Pengurus Dana	CIMB-Principal Asset Management

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV") pada 30 November

	2015	2014	2013
Jumlah NAV (RM)	5,002,249	1,650,694	615,762
Bilangan Unit-unit	8,908,536	2,919,861	1,111,233
NAV/unit (RM)	0.562	0.565	0.554
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.584	0.584	0.554
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.518	0.544	0.492
Cukai (%)	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED

Bagi tahun fiskal 2015, atas asas bersih, pulangan Dana 1.43% berbanding penanda aras -0.62%. Sejak pelancaran pada Ogos 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 5.15% berbanding penanda aras 4.64%.

Penanda Aras	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 15 - Nov 15	Nov 14 - Nov 15	Nov 10 - Nov 15	Ogos 11 - Nov 15
Dana A-Dana Balanced	0.55%	1.43%	n/a	5.15%
Indeks*	0.74%	-0.62%	n/a	4.64%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.19%	2.05%	-	0.51%

* 70% Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah (Sumber: Bursa Malaysia) + 30% Quant Shop GII ALL Index (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam saham bermodal kecil ke sederhana seperti Time dotCom, Prestariang dan Chinwel, yang telah mengatasi prestasi.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor telekomunikasi yang berprestasi rendah.
- Kedudukan Dana berwajaran tinggi jangka waktu telah membantu prestasi memandangkan kejatuhan kadar hasil jangka panjang.
- Pelaburan dana dalam sekuriti jaminan-kerajaan jangka panjang juga menyumbang secara positif.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor pengangkutan yang berprestasi rendah walaupun harga minyak mentah yang lemah.
- Dana berwajaran rendah dalam sektor pengilangan sarung tangan, yang telah mengatasi prestasi.
- Kekurangan pegangan dana dalam sekuriti berhasil tinggi bermakna bahawa dana kehilangan nilai bawaan tinggi.

Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, memandangkan pertumbuhan ekonomi tempatan yang sederhana, kami lebih cenderung terhadap syarikat patuh Syariah yang mempunyai pendapatan yang berdaya tahan, aliran tunai yang kukuh, kemantapan kedudukan penyata kewangan dan penilaian yang murah. Oleh itu, kami mengutamakan syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan, sektor hartanah mampu milik, sektor perladangan dan pemilik syarikat konsesi yang mempunyai aliran tunai yang kukuh dan kontrak jangka panjang. Sektor pengangkutan juga dijangka mendapat manfaat daripada harga minyak mentah yang rendah. Bagi sektor pengeksport, kami mengharapkan peningkatan memandangkan jangkaan dalam pengukuhan Ringgit. Prestasi saham-saham ini yang juga agak baik, telah merumitkan lagi penilaiannya.

Bagi pendapatan tetap, kami akan berkedudukan neutral bagi jangka masa sementara membuat pelaburan di dalam sukuk korporat dan kerajaan yang menawarkan nilai-nilai relatif yang baik.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Kami akan terus mencari pendapatan dan pulangan yang tinggi melalui pemilihan teliti sukuk berkualiti serta mengekalkan kepelbagaian portfolio korporat dan kerajaan bagi perlindungan modal. Bagi bahagian ekuiti, kami akan terus mencari pertumbuhan jangka panjang modal dan pendapatan melalui portfolio ekuiti yang pelbagai.

Pendedahan Aset Dana A-Dana Balanced pada 30 November 2015



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2015	2014	2013
Tunai & Lain-lain	9%	4%	4%
Pendapatan Tetap	24%	29%	2%
Barangan Pengguna	1%	2%	3%
Produk Perindustrian	5%	6%	27%
Pembinaan	8%	5%	15%
Perdagangan/Perkhidmatan	34%	31%	5%
Teknologi	3%	2%	5%
Syarikat Projek Infrastruktur	3%	5%	26%
Kewangan	3%	2%	9%
Hartanah	5%	7%	4%
Perladangan	5%	7%	0%
Unit Amanah Patuh Syariah	-	-	-
JUMLAH	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV") pada 30 November

	2015	2014	2013
Jumlah NAV (RM)	8,186,104	6,415,884	6,360,646
Bilangan Unit-unit	6,591,350	5,239,800	5,437,100
NAV/unit (RM)	1.242	1.224	1.170
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.290	1.247	1.215
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.141	1.154	1.028
Cukai (%)	8	8	8

BUTIRAN PELABURAN

01. DANA A-DANA INCOME

TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,100,000	TERBITAN PELABURAN MALAYSIA	-	1,098,875	1,077,084	5.38%
1,100,000			1,098,875	1,077,084	

SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
300,000	KAPAR ENERGY VENTURES	AA+is	297,180	295,920	1.48%
500,000	SARAWAK ENERGY BHD	AA1	500,000	510,478	2.55%
400,000	TANJUNG BIN POWER SDN BHD	AA2	412,460	397,028	1.98%
1,000,000	TAQA ABU DHABI NATIONAL ENERGY	AA1	1,001,800	989,300	4.94%
1,980,000	BGSM MANAGEMENT	AA3	2,017,910	2,003,809	10.00%
200,000	MALAYSIA AIRPORT HLDGS BHD	AA2	200,000	204,118	1.02%
1,200,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA-	1,230,265	1,213,092	6.06%
1,000,000	EVERSENDAI CORP	AA3	1,002,200	965,880	4.82%
1,400,000	UEM LAND HOLDINGS BHD	AA-is	1,400,000	1,394,064	6.96%
300,000	UEM SUNRISE BHD	AAIS	300,000	295,692	1.48%
600,000	WCT HOLDINGS BHD	AA-is	601,758	597,186	2.98%
1,000,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	-	1,023,300	1,004,740	5.02%
500,000	BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BHD	-	500,000	498,665	2.49%
300,000	DANAINFRA NASIONAL	-	300,000	294,423	1.47%
400,000	CIMB ISLAMIC BANK BHD	AA+is	438,500	416,476	2.08%
800,000	IMTIAZ SUKUK BHD	AA2s	799,100	794,773	3.97%
1,000,000	MALAKOFF POWER BHD	AA-is	1,003,600	1,006,000	5.02%
850,000	MAYBANK ISLAMIC BHD	AA1	854,095	851,326	4.25%
200,000	RHB ISLAMIC BANK BHD	AA3	200,000	201,548	1.01%
1,700,000	SABAH CREDIT CORP	AA1	1,704,742	1,701,477	8.49%
15,630,000			15,786,910	15,635,995	

DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
3,150,000	CIMB ISLAMIC BANK	3,150,000	3,150,000	15.72%
3,150,000		3,150,000	3,150,000	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY

SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PEMBINAAN				
324,100	GAMUDA BERHAD	1,518,894	1,471,414	3.83%
1,120,400	IKHMAS JAYA GROUP BHD	750,616	756,270	1.97%
462,200	IJM CORPORATION BERHAD	1,538,408	1,571,480	4.09%
195,000	PROTASCO BERHAD	366,776	308,100	0.80%
BARANGAN PENGGUNA				
10,700	PPB GROUP BHD	162,732	169,060	0.44%
86,000	NARRA INDUSTRIES BHD	322,865	284,660	0.74%
KEWANGAN				
134,140	BIMB HOLDINGS BHD	497,882	523,146	1.36%
159,300	PHILEO ALLIED BHD	671,552	568,701	1.48%
138,500	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD	290,841	512,450	1.33%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
227,600	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	473,259	455,200	1.18%
336,000	CHIN WELL HOLDINGS BHD	474,049	544,320	1.42%
475,040	KNM GROUP BHD	312,867	242,270	0.63%
95,700	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	595,517	645,018	1.68%
17,600	PETRONAS GAS BERHAD	363,041	403,392	1.05%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
202,132	DIGI.COM BHD	1,100,784	1,010,660	2.63%
124,800	TIME DOTCOM BHD	664,013	866,112	2.25%
PERLADANGAN				
174,000	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	259,211	255,780	0.67%
55,900	GENTING PLANTATIONS BHD	595,331	573,534	1.49%
45,000	IOI CORPORATION BERHAD	192,179	195,750	0.51%
28,700	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	665,045	658,378	1.71%
178,600	KULIM (M) BERHAD	578,520	691,182	1.80%
392,100	TANAH MAKMUR BERHAD	614,464	509,730	1.33%
386,800	TDM BERHAD	278,079	259,156	0.67%
HARTANAH				
206,200	CRESCENDO CORPORATION BERHAD	525,015	387,656	1.01%
185,367	HUA YANG BHD	303,656	357,758	0.93%
172,817	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	315,704	423,402	1.10%
128,657	SUNWAY BERHAD	376,927	371,345	0.97%
142,000	TITIJAYA LAND BHD	323,161	255,600	0.67%
180,000	UEM EDGENTA BERHAD	532,803	604,800	1.57%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
TEKNOLOGI				
269,900	GHL SYSTEMS BHD	151,912	280,696	0.73%
102,500	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	473,800	653,950	1.70%
162,400	VITROX CORPORATION BHD	328,975	545,664	1.42%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
288,750	AXIATA GROUP BERHAD	1,955,978	1,770,038	4.61%
685,000	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BHD	578,481	616,500	1.60%
120,760	BERJAYA AUTO BHD	211,244	264,464	0.69%
79,500	CAHYA MATA SARAWAK BHD.	391,364	403,065	1.05%
437,430	DIALOG GROUP BERHAD	669,507	713,011	1.86%
204,000	MAXIS BHD	1,391,896	1,338,240	3.48%
162,300	MAL INTERNATIONAL SHIPPING CORP BHD	1,173,410	1,499,652	3.90%
162,800	MALAKOFF CORPORATION BHD	278,573	255,596	0.67%
297,601	MALAYSIA MINING CORPORATION BHD	701,692	607,106	1.58%
151,300	MBM RESOURCES BERHAD	495,648	416,075	1.08%
382,000	MCT BERHAD	487,662	527,160	1.37%
418,200	PRESTARIANG BHD	497,266	1,108,230	2.88%
170,843	SIME DARBY BERHAD	1,574,997	1,351,368	3.52%
383,000	SAPURA-KENCANA PETROLEUM BHD	1,014,960	819,620	2.13%
445,500	TALIWORKS CORP BHD	631,385	650,430	1.69%
158,172	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	1,010,151	1,029,700	2.68%
256,700	TENAGA NASIONAL BERHAD	3,132,167	3,429,511	8.92%
86,000	UZMA BHD	111,179	172,860	0.45%
203,700	WESTPORTS HOLDINGS BHD	685,198	875,910	2.28%
12,013,709		33,611,636	35,205,170	

SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PRODUK PERINDUSTRIAN				
30,834	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	-	10,946	0.03%
136,020	KNM GROUP BHD	-	17,683	0.05%
18,117	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	7,519	0.02%
46,500	TALIWORKS CORP BHD	-	19,995	0.05%
231,471		-	56,143	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)****DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
3,790,000	CIMB ISLAMIC BANK	3,790,000	3,790,000	9.86%
3,790,000		3,790,000	3,790,000	

03. DANA A-DALI EQUITY**PELABURAN LAIN - MUTUAL FUND**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
3,559,936	CIMB-PRINCIPAL ASSET MANAGEMENT BERHAD	5,028,482	4,848,633	96.93%
3,559,936		5,028,482	4,848,633	

04. DANA A-DANA BALANCED**SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA**

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,050,000	KHAZANAH NASIONAL BHD	-	892,500	980,637	11.98%
300,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	-	309,330	303,273	3.70%
700,000	PENGURUSAN AIR SPV BHD	-	734,860	708,400	8.65%
5,900	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	-	-	2,095	0.03%
27,000	KNM GROUP BHD	-	-	3,510	0.04%
3,250	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	-	-	1,349	0.02%
8,000	TALIWORKS CORP BHD	-	-	3,440	0.04%
2,094,150			1,936,690	2,002,704	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA**

Kuantiti	Nama Kaunter	% Nilai Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	Bersih Aset
BARANGAN PENGGUNA				
2,200	PPB GROUP BHD	35,334	34,760	0.42%
13,000	NARRA INDUSTRIES BHD	50,700	43,030	0.53%
PEMBINAAN				
49,000	GAMUDA BERHAD	218,260	222,460	2.72%
69,000	IJM CORPORATION BERHAD	224,224	234,600	2.87%
175,600	IKHMAS JAYA GROUP BHD	117,823	118,530	1.45%
35,800	PROTASCO BERHAD	66,726	56,564	0.69%
KEWANGAN				
22,260	BIMB HOLDINGS BHD	82,600	86,814	1.06%
24,700	PHILEO ALLIED BHD	96,544	88,179	1.08%
22,000	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA	40,977	81,400	0.99%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
28,800	DIGI.COM BHD	163,600	144,000	1.76%
19,600	TIME DOTCOM BHD	86,853	136,024	1.66%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
35,400	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	71,991	70,800	0.86%
54,200	CHIN WELL HOLDINGS BHD	75,899	87,804	1.07%
80,000	KNM GROUP BHD	52,823	40,800	0.50%
15,700	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	99,478	105,818	1.29%
2,900	PETRONAS GAS BERHAD	60,241	66,468	0.81%
HARTANAH				
34,600	CRESCENDO CORPORATION BERHAD	87,697	65,048	0.79%
30,433	HUA YANG BHD	41,705	58,736	0.72%
26,350	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	38,938	64,558	0.79%
19,632	SUNWAY BERHAD	54,758	56,870	0.69%
26,500	TITIJAYA LAND BHD	61,960	47,700	0.58%
25,500	UEM EDGENTA BERHAD	69,236	85,680	1.05%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PERLADANGAN				
29,900	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	44,906	43,953	0.54%
6,900	GENTING PLANTATIONS BHD	75,408	70,794	0.86%
7,000	IOI CORPORATION BERHAD	29,895	30,450	0.37%
4,100	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	93,594	94,054	1.15%
27,800	KULIM (M) BERHAD	96,214	107,586	1.31%
63,800	TANAH MAKMUR BERHAD	97,276	82,940	1.01%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
44,904	AXIATA GROUP BERHAD	299,805	275,262	3.36%
112,000	BARAKAH OFFSHORE PETROLEUM BHD	94,610	100,800	1.23%
20,680	BERJAYA AUTO BHD	39,165	45,289	0.55%
12,800	CAHYA MATA SARAWAK BHD.	62,938	64,896	0.79%
69,216	DIALOG GROUP BERHAD	100,363	112,822	1.38%
27,000	MAL INTERNATIONAL SHIPPING CORP BHD	182,267	249,480	3.05%
24,800	MALAKOFF CORPORATION BHD	42,534	38,936	0.48%
46,699	MALAYSIA MINING CORPORATION BHD	110,395	95,266	1.16%
32,300	MAXIS BHD	225,985	211,888	2.59%
26,800	MBM RESOURCES BERHAD	91,843	73,700	0.90%
59,800	MCT BERHAD	76,761	82,524	1.01%
72,100	PRESTARIANG BHD	63,566	191,065	2.33%
64,000	SAPURA-KENCANA PETROLEUM BHD	170,909	136,960	1.67%
26,470	SIME DARBY BERHAD	242,462	209,378	2.56%
59,500	TALIWORKS CORP BHD	81,978	86,870	1.06%
22,337	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	135,199	145,414	1.78%
37,300	TENAGA NASIONAL BERHAD	366,933	498,328	6.09%
18,000	UZMA BHD	50,969	36,180	0.44%
31,600	WESTPORTS HOLDINGS BHD	98,165	135,880	1.66%
TEKNOLOGI				
44,400	GHL SYSTEMS BHD	16,430	46,176	0.56%
16,200	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	49,065	103,356	1.26%
22,900	VITROX CORPORATION BHD	47,000	76,944	0.94%
1,844,481		4,985,002	5,443,834	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
590,000	CIMB ISLAMIC BANK	590,000	590,000	7.21%
590,000		590,000	590,000	

KENYATAAN PIHAK PENGURUSAN

